


Bab 10

Anugerah yang Diterima



Sebagai menghargai jasa khidmat bakti serta tugas cemerlang yang telah disumbangkan oleh Haji Zainal Abidin bin Mohd Lati sewaktu berkhidmat dengan kerajaan Negeri, maka Baginda Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Ibni Tuanku Abdul Rahman telah berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negeri, Darjah Setia Negeri Sembilan yang membawa Gelaran Dato' pada Hari Keputeraan Baginda pada tanggal 7 Jun 1975. Sebelum itu beliau telah dianugerahkan pingat J.P dan P.J.K. Pada peringkat Persekutuan pula beliau telah dikurniakan Pingat Darjah Kesateria Mangku Negara dan Ahli Mangku Negara.

Boleh dikatakan bahawa usaha-usaha awal menganjurkan perarakan menentang Malayan Union di Negeri Sembilan telah dilaksanakan secara kolektif oleh orang Melayu keseluruhannya. Namun Dato' Haji Zainal Abidin Mohd. Lati serta Encik Muhammad Haji Omar adalah di antara pejuang-pejuang utama yang menggerakkan jentera penentangan itu. Di samping itu beliau adalah di antara pengasas UMNO di Negeri Sembilan Darul Khusus pada 1946.

Oleh yang demikian sebagai penghargaan kepada sumbangan bakti yang telah dicurahkan, serta kepada mereka yang telah turut sama membantu ke arah usaha pembangunan era permodenan negara, khususnya Negeri Sembilan, maka di sini dinukilkan beberapa

rangkap pantun sebagai tanda ingatan serta tanda terima kasih yang tiada terhingga di atas apa-apa yang telah mereka sumbangkan itu.

*Bila memandang ke muka laut
Nampak sampan mudik ke hulu
Bila terkenang mulut menyebut
Budi yang baik ingat selalu*

*Tenang-tenang air di laut
Sampan kolek menghilir tanjung
Hati terkenang mulut menyebut
Budi yang baik rasa nak junjung*

*Bandar Baru Seberang Prai
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur daging tulang berkecai
Budi yang baik dikenang juga.*